



## **SIDANG MEDIA KHAS**

### **KETUA PENGARAH JABATAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR DAN TAMAN NEGARA (PERHILITAN)**

#### **“OPERASI MENCARI DAN MENYELAMAT (SAR) KAKITANGAN JABATAN PERHILITAN” 20 OGOS 2018**

---

1. Pada 9 Ogos 2018 (Khamis), lebih kurang jam 9.00 pagi, sekumpulan tujuh (7) orang kakitangan Jabatan PERHILITAN masuk ke Taman Negara Pahang bagi menjalankan program *National Tiger Survey (NTS)* telah melalui Felda Kechau 11, Kuala Lipis. Program NTS merupakan program survei harimau belang di kawasan habitat utama harimau dan salah satu kaedah survei adalah menggunakan perangkap kamera.
2. Pada 11 Ogos 2018 (Sabtu), lebih kurang jam 10.00 pagi, lima (5) orang kakitangan menjalankan penarikan perangkap kamera manakala dua (2) orang kakitangan berada di tapak khemah (*basecamp*). Pada jam 2.00 petang, lima (5) orang kakitangan telah masuk ke lokasi pemasangan kamera untuk menarik keluar perangkap kamera di lokasi yang paling jauh dan ketika perjalanan ke lokasi perangkap kamera yang berikutnya, kira-kira pada jam 4.00 petang, ahli kumpulan menyedari salah seorang ahlinya telah hilang di kawasan lereng bukit berhampiran permatang hutan.

3. Ahli kumpulan yang hilang ialah En. Ahmad Tarmizi bin Mohd Japli, berusia 30 tahun, merupakan renjer yang bertugas di Jabatan PERHILITAN Kelantan. Beliau berasal dari Kelantan dan telah berkahwin serta mempunyai empat (4) orang anak.
4. Kumpulan yang terlibat telah menjalankan misi pencarian awal, namun demikian, usaha pencarian dalam tempoh 24 jam tersebut gagal menemui mangsa. Laporan polis telah dibuat dan Pusat Gerakan Operasi Mencari dan Menyelamat (SAR) telah ditubuhkan di Pejabat PERHILITAN Daerah Kuala Lipis.
5. Dalam operasi SAR ini, seramai **172 anggota** daripada pelbagai agensi dan pertubuhan terlibat yang terdiri daripada :

<b>BIL.</b>	<b>AGENSI/PERTUBUHAN</b>	<b>BILANGAN ANGGOTA</b>
1.	PERHILITAN	<b>88 orang</b>
2.	PDRM (PGA)	<b>20 orang</b>
3.	Bomba	<b>20 orang</b>
4.	Pertubuhan (UNDP-ICCFs, Pelindung, RIMBA)	<b>33 orang</b>
5.	Masyarakat setempat termasuk pemandu pelancong dan orang asli	<b>7 orang</b>
6.	Syarikat Swasta	<b>4 orang</b>

6. Operasi SAR ini dikoordinasi bersama dengan pihak PDRM dan Jabatan Bomba. Jabatan PERHILITAN menerima bantuan logistik dan anggota daripada PDRM dan Bomba yang terdiri daripada

Pasukan Gerakan Am (PGA), Unit anjing pengesan K9 dan bantuan helikopter daripada kedua-dua agensi. Selain itu, bantuan juga diterima daripada syarikat swasta yang membantu mengkoordinasi sistem perhubungan telekomunikasi melalui radio bagi memastikan Pusat Gerakan dapat berkomunikasi dengan lebih baik dan menerima maklumat terkini daripada pasukan SAR yang melakukan pencarian di dalam Taman Negara.

7. Hari ini masuk hari yang ke-9 operasi SAR dijalankan. Sehingga kini pasukan SAR telah membuat pencarian dan penjejakan melalui darat dalam lingkungan **30km persegi**. Pihak Jabatan juga telah membina helipad di kawasan Taman Negara bagi melancarkan operasi SAR dan pencarian melalui udara. Sehingga kini sebanyak enam **(6) pencarian melalui udara telah dijalankan**. Pasukan SAR juga membuat pencarian di sepanjang laluan sungai yang terdapat di Taman Negara.
8. Keluarga En. Tarmizi di Kelantan juga telah dihubungi dan telah dibawa ke Kuala Lipis, bagi memastikan kebajikan dan maklumat terkini operasi SAR ini sentiasa diperolehi oleh pihak mereka.
9. Jabatan PERHILITAN komited dan yakin dengan usaha pencarian ini dan akan **meneruskan operasi SAR ini sehingga En. Tarmizi ditemui**. Jabatan juga mengalu-alukan sebarang bantuan dan kerjasama daripada semua pihak bagi memastikan misi dan operasi SAR ini berjaya.